# Kenapa longgok kat situ?

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 12 September 2019 @ 6:01 PM



Penduduk kampung melihat longgokan produk mandian serta pencuci di ladang kelapa sawit berhampiran Kampung Lendu Hilir, Melaka hari ini. Foto Nazri Abu Bakar

TIMBUNAN puluhan kotak yang mengandungi pelbagai produk mandian serta pencuci ditemui dilonggokkan di ladang kelapa sawit berhampiran Kampung Lendu Hilir, Melaka pagi tadi.

Longgokan produk seperti sabun, syampu serta pewangi pakaian berjenama terkenal itu ditemui penduduk kira-kira 10 pagi sekali gus menimbulkan tanda tanya masyarakat di kawasan berkenaan.

Penduduk dari Kampung Air Cantik, Hamdan Saleh, 35, berkata, longgokan barangan keperluan harian itu mengundang tanda tanya, selain dibimbangi memberi impak terhadap alam sekitar serta keselamatan penduduk.

Menurutnya, penduduk juga khuatir status produk yang ditinggalkan itu dan tertanya-tanya mengapa ia dilonggokkan di ladang kelapa sawit itu.

“Saya bimbang tumpahan kandungan produk sabun itu boleh mengalir masuk ke dalam Sungai Lendu terutama apabila hujan lebat. Ia sudah tentu boleh menjejaskan ekosistem sungai.

“Kita tidak tahu apa motif sebenar produk ini dilonggokkan oleh pihak tidak bertanggungjawab di dalam ladang kelapa sawit.

“Pembuangan produk itu tidak seharusnya berlaku kerana kita turut bimbangkan keselamatan penduduk,” katanya ketika ditemui di lokasi.

Sementara itu, tinjauan di kawasan berkenaan mendapati sesetengah produk yang ditinggalkan itu masih boleh digunakan berpandukan kepada tarikh luput barangan berkenaan.

Keadaan itu sekali gus mengundang tanda tanya mengenai motif dan sebab produk terbabit dilonggokkan di dalam ladang kelapa sawit berkenaan.